

TARIKH : 28 JUN 2025

AKHBAR : KOSMO

MUKA : 12  
SURAT

## Amir Hamzah ambil alih Menteri Ekonomi

12 **NEGARA!**

# Amir Hamzah ambil alih Menteri Ekonomi

- **Rombak semula intipati RMK-13**
- **Menteri Kewangan II galas tugas serta-merta**

Oleh **RIDZAUDDIN ROSLAN**

**PUTRAJAYA** – Menteri Kewangan II, Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan akan menjalankan tugas dan fungsi sebagai Menteri Ekonomi berkuat kuasa serta-merta.

Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memaklumkan Jemaah Menteri bersetuju terhadap keputusan itu ketika bersidang pada 25 Jun lalu.

“Tugas utama Amir Hamzah adalah untuk mengolah dan merombak semula intipati naskah Rancangan Malaysia ke-13 yang akan dibentangkan di Parlimen pada 31 Julai depan.

“Ia dengan mengambil kira maklumat tambahan yang dikemukakan oleh kementerian-kementerian serta pandangan dan ulasan yang diberikan oleh Jemaah Menteri,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Terdahulu, Datuk Seri Rafizi Ramli mengumumkan peletakan



**AMIR HAMZAH akan menjalankan tugas dan fungsi sebagai Menteri Kewangan berkuat-kuasa serta-merta.**

“

Tugas utama Amir Hamzah adalah untuk mengolah dan merombak semula intipati naskah Rancangan Malaysia ke-13 yang akan dibentangkan di Parlimen pada 31 Julai depan.”

jawatan berkuat kuasa 17 Jun dan akan menghabiskan cuti tahunan sehingga tarikh akhir tersebut.

Turut meletak jawatan ialah, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad yang sedang bercuti sehingga 3 Julai.

Sebelum ini, Perdana Menteri

mengesah menerima surat permohonan cuti dan pengunduran sebagai anggota Kabinet daripada Rafizi dan Nik Nazmi dan bersetuju meluluskan permohonan cuti mereka.

Mereka dilaporkan membuat keputusan itu selepas kalah dalam pemilihan parti.